

Kaedah Penyampaian E-Kandungan Pengaturcaraan Komputer – Perisian Pilihan

Shakirah Mohd Sofi, Helyawati Baharudin & Farhana Asuhaimi

Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43600 Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.

syakirah@kuis.edu.my

Abstract: Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memberi impak atau kesan yang besar kepada semua aspek kehidupan termasuklah pendidikan. Di dalam pendidikan, ICT bukan sahaja digunakan dalam membantu tugas pengurusan dan pentadbiran, malah digunakan sebagai alat bantu untuk menggerakkan pengajaran dan pembelajaran melalui e-pembelajaran. Komponen utama dalam pengajaran dan pembelajaran antaranya adalah kandungan, pedagogi dan teknologi. Perubahan teknologi dalam pendidikan juga akan mempengaruhi perubahan dalam kandungan yang bakal disampaikan. Kajian dilakukan untuk pemilihan teknologi perisian yang bersesuaian dengan kaedah penyampaian e-kandungan pengaturcaraan komputer secara pembelajaran teradun (blended learning).

Keywords: Teknologi pendidikan, kaedah penyampaian, e-kandungan, e-pembelajaran, pengaturcaraan komputer, pembelajaran teradun (blended learning).